



PERBADANAN STADIUM MALAYSIA
MALAYSIA STADIUM CORPORATION
(Agensi di bawah Kementerian Belia dan Sukan Malaysia)
L2-E-10, Enterprise 4
Technology Park Malaysia
Lebuhraya Puchong - Sg. Besi
57000 BUKIT JALIL,
KUALA LUMPUR MALAYSIA



Tel.: +603-8992 0888
Faks (Fax): +603 -8994 4663
Laman Web (Web) : www.stadium.gov.my

TERKINI

KENYATAAN MEDIA
PENGANJURAN KONSERT & FESTIVAL
KL SPORTS CITY "SAYANGI MALAYSIAKU"

Bagi menyemarakkan lagi sambutan Hari Malaysia 2018, Perbadanan Stadium Malaysia (PSM) dan ASWARA-BEST FBKL dengan kerjasama syarikat - syarikat panel PSM akan menganjurkan Konsert dan Festival KL Sports City Sayangi Malaysiaku bertempat di KL Sports City pada 14 hingga 17 September 2018. Ini adalah inisiatif PSM dengan ASWARA-BEST FBKL yang diilhamkan untuk menganjurkan sambutan Hari Malaysia tanpa menggunakan bantuan daripada kerajaan. Selain daripada bertujuan untuk Hari Malaysia di bawah kepimpinan Kerajaan Baru, acara ini juga adalah untuk meraikan kejayaan atlet yang menyertai dan memenangi pingat di Sukan ASIA Jakarta-Palembang baru-baru ini.

Konsert dan Festival ini bukan sahaja tempat untuk rakyat berhibur, malahan rakyat juga dapat membeli-belah pada kadar diskaun walaupun semasa pelaksanaan SST. KBS dan Kerajaan amat prihatin dalam menyediakan platform kepada peniaga-peniaga untuk menjadi inovatif dan kreatif dalam mencapai pelanggan mereka. Acara ini dibahagikan kepada dua aktiviti iaitu konsert yang akan berlangsung pada 14-16 September serta festival jualan dan pameran pada 14 hingga 17 September di Padang Letak Kereta A&B, KL Sports City.

Antara barisan artis yang akan memberikan persembahan di konsert tersebut adalah Dayang Nurfaizah, Ella, Siti Nordiana, Hael Husaini, Khai Bahar, Hazama dan Natasha Sass, Soo Wincci, Ayda Jebat, Altimet, Syamel, Faradhiya, Ernie Zakri, Zamani, Aiman Tino, Azlan Typewriter, Wany Hasrita, Nabila Razali, Azharina, Marsha Milan dan Amelina. Konsert ini akan diselang selikan dengan persembahan patriotik dan kebudayaan yang pelbagai daripada ASWARA-BEST FBKL. Selain itu, konsert ini akan turut diserikan dengan persembahan istimewa oleh seramai 80 orang daripada Selangor Philharmonic Choir.

Bagi menyemarakkan festival jualan dan pameran di Padang Letak Kereta A&B, KL Sports City, KBS akan turut mempelawa lain-lain Kementerian dan Agensi untuk bersama-sama turut serta di Konsert dan Festival KL Sports City Sayangi Malaysiaku bersama Rakyat. Pihak KBS akan menyediakan ruang atau booth secara percuma untuk mereka mempamerkan dan mempromosikan produk dan perkhidmatan masing-masing. Para Belia yang terdiri daripada golongan Usahawan Muda yang berusia 18 hingga 21 tahun juga dipelawa untuk mempamerkan atau menjual produk atau perkhidmatan mereka di festival ini. Persatuan Seniman Malaysia juga turut memberi sokongan dengan membawa seramai 48 orang artis bagi menyemarakkan aktiviti-aktiviti yang diadakan di *booth* festival.

Pada masa yang sama juga, Stadium Nasional yang telah diaugerahkan sebagai "Stadium of The Year" di World Stadium Congress Awards 2018 baru-baru ini, akan dibuka untuk dilawati oleh rakyat. PSM ingin memberi peluang kepada rakyat untuk melihat dengan lebih dekat lagi keunikan stadium ini. PSM mensasarkan untuk menjadikan acara ini sebagai salah satu acara tahunan di KL Sports City.

Disediakan Oleh:

Noriza Md Ali

Pengurus Komunikasi

Bahagian Pemasaran dan Komunikasi

Perbadanan Stadium Malaysia

No.Tel: 03-89920 910 / 019-2775203

No.Faks:03-89944663

Email:noriza@stadium.gov.my